



JABATAN PERDANA MENTERI
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA

KENYATAAN MEDIA **BAGI PRODUKTIVITI BURUH, SUKU TAHUN PERTAMA 2022**

**Produktiviti buruh meningkat 2.7 peratus pada suku pertama 2022
dengan merekodkan RM23,129 per pekerja**

PUTRAJAYA, 19 MEI 2022 - Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) melaporkan prestasi produktiviti buruh Malaysia bagi suku pertama 2022 hari ini. Statistik ini diterbitkan dalam laporan **PRODUKTIVITI BURUH, SUKU PERTAMA 2022** yang melaporkan statistik produktiviti buruh mengikut aktiviti ekonomi yang diukur sebagai nilai ditambah per pekerja dan nilai ditambah per jam bekerja.

Menurut Ketua Perangkawan Malaysia, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin, "**Produktiviti buruh Malaysia yang digambarkan sebagai nilai ditambah per pekerja meningkat 2.7 peratus (ST4 2021: 1.7%) dengan merekodkan RM23,129 pada suku pertama 2022.** Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) Malaysia bagi ST1 2022 berkembang 5.0 peratus selepas mencatatkan pertumbuhan 3.6 peratus pada ST4 2021. Pekerja yang merekodkan 15.6 juta orang naik 2.2 peratus berbanding 1.8 peratus pada ST4 2021. Ini berikutan dengan pelonggaran sekatan prosedur operasi standard yang membenarkan majlis berskala besar dan perhimpunan sosial, serta perniagaan yang beroperasi pada kapasiti penuh apabila negara telah berada dalam Fasa 4 Pelan Pemulihan Negara. Situasi ini telah menyebabkan peningkatan yang menggalakkan dalam pasaran buruh pada suku tersebut".

Mengulas mengenai prestasi produktiviti buruh yang diukur mengikut nilai ditambah per jam bekerja, beliau berkata, "Jumlah jam bekerja tertinggi dicatatkan pada suku ini dengan 4.6 peratus (ST4 2021: 2.3%) yang merekodkan 8.9 bilion jam (ST4 2021: 8.8 bilion jam) apabila waktu operasi perniagaan adalah lebih panjang pada suku ini. Oleh itu, **produktiviti buruh mengikut nilai ditambah per jam bekerja tumbuh pada kadar marginal 0.3 peratus berbanding 1.3 peratus pada ST4 2021 dengan nilai RM40.3 per jam (ST4 2021: RM42.3 per jam).**"

Dari sudut sektor ekonomi, tiga sektor mencatatkan pertumbuhan positif berdasarkan produktiviti buruh mengikut nilai ditambah per pekerja pada suku tersebut iaitu Perkhidmatan, Pembuatan dan Pertanian. Pertumbuhan tertinggi produktiviti buruh pada suku ini dicatatkan oleh sektor Perkhidmatan pada 3.6 peratus (ST4 2021: 1.1%) dengan semua subsektor merekodkan peningkatan kecuali Kewangan & insurans (-0.3%) dan Perdagangan borong & runcit (-0.9%). Produktiviti buruh bagi sektor Pembuatan tumbuh 2.8 peratus (ST4 2021: 5.3%) dengan kadar pertumbuhan tertinggi dicatatkan oleh Produk elektrik, elektronik & optikal (10.6%), diikuti oleh Produk kayu, perabot, keluaran kertas & percetakan (4.4%) dan Minuman & produk tembakau (4.3%). Bagi produktiviti buruh sektor Pertanian, naik 1.0 peratus berbanding 2.9 peratus pada suku sebelumnya. Sebaliknya, sektor Perlombongan & pengkuarian dan Pembinaan terus mencatatkan penurunan pertumbuhan pada kadar negatif yang lebih kecil masing-masing sebanyak 3.6 peratus dan 5.5 peratus.

Dari segi produktiviti buruh mengikut nilai ditambah per jam bekerja, sektor Pembinaan mencatatkan kejatuhan tertinggi produktiviti buruh iaitu negatif 8.2 peratus (ST4 2021: -11.0%), diikuti oleh sektor Perlombongan & pengkuarian pada negatif 4.8 peratus. Sementara itu, sektor Pembuatan dan Pertanian merekodkan penurunan sederhana masing-masing sebanyak 0.1 peratus dan 0.2 peratus. Perkhidmatan merupakan satu-satunya sektor yang mencatatkan pertumbuhan positif pada ST1 2022 dengan kadar 1.2 peratus selepas mencatatkan 0.8 peratus pada ST4 2021.

Merumuskan kenyataan beliau, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin berkata, "Dengan indikator penunjuk ekonomi yang lebih memberangsangkan, ekonomi serta pasaran buruh akan terus berkembang pada bulan-bulan ke hadapan. Perniagaan akan memainkan peranan signifikan dengan melabur dalam teknologi, harta intelek atau modal lain yang akan meningkatkan produktiviti dan seterusnya membolehkan masa depan yang saksama dan inklusif yang mana akan memenuhi matlamat kelestarian tersebut. Teknologi dan inovasi telah memberikan manfaat kepada aktiviti ekonomi dan sosial semenjak beberapa dekad yang lalu serta sudah pasti ia akan terus menyokong dalam memberikan manfaat kepada kita semua".

Embargo: Hanya boleh diterbitkan atau disebarluaskan mulai jam **1200, Khamis, 19 Mei 2022**


Data siri masa dan maklumat lanjut berkaitan pasaran buruh boleh diperolehi dari portal *Malaysia Labour Market Interactive Data* (MyLMID). Untuk maklumat lanjut, sila layari <https://mbls.dosm.gov.my/mylmid/> atau imbas kod QR di bawah.




Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) sedang menjalankan Survei Pendapatan, Perbelanjaan Isi Rumah dan Kemudahan Asas (HIES/BA) 2022 bermula dari 1 Januari 2022 sehingga 31 Disember 2022 dan Survei Ekonomi Tahunan 2022 (AES 2022) bermula 15 April sehingga 30 September 2022. DOSM amat menghargai kerjasama daripada responden yang terpilih untuk memberikan maklumat kepada DOSM serta menjayakan survei ini. Sila layari www.dosm.gov.my untuk maklumat lanjut.

DOSM juga menerbitkan statistik ekonomi dan sosial iaitu PocketStats yang mengandungi statistik suku tahunan dan tahunan yang boleh diperoleh dari portal DOSM atau melalui pautan https://bit.ly/PocketStatsS1_2022.

**Carta 1: Produktiviti buruh, nilai ditambah per pekerja,
2015-2021 dan ST1 2016 - ST1 2022**



**Carta 2: Produktiviti buruh, nilai ditambah per jam bekerja,
2015-2021 dan ST1 2016 - ST1 2022**



Dikeluarkan oleh:

**PEJABAT KETUA PERANGKAWAN MALAYSIA
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA
19 MEI 2022**



MEDIA STATEMENT FOR LABOUR PRODUCTIVITY, FIRST QUARTER OF 2022

Labour productivity increased 2.7 per cent in the first quarter of 2022 to record RM23,129 per person

PUTRAJAYA, 19 MAY 2022 - The Department of Statistics, Malaysia (DOSM) reported the performance of Malaysia's labour productivity for the first quarter today. The statistics is published in the report of **LABOUR PRODUCTIVITY, FIRST QUARTER 2022** which presents statistics on labour productivity by economic activity, expressed as value added per employment and value added per hour worked.

According to the Chief Statistician Malaysia, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin, "**Malaysia's labour productivity expressed as value added per employment increased 2.7 per cent (Q4 2021: 1.7%) to record RM23,129 in the first quarter of 2022**. Malaysia's Gross Domestic Product (GDP) for Q1 2022 expanded to 5.0 per cent after registering a growth of 3.6 per cent in Q4 2021. Employment which recorded 15.6 million persons went up 2.2 per cent as against 1.8 per cent in Q4 2021. This was in tandem with the relaxing of standard operating procedures allowing social events and gatherings, and businesses to resume to full capacity as the country entered Phase 4 of the National Recovery Plan. This scenario had resulted in a favourable trend of labour market during the quarter".

While elaborating on the performance of labour productivity measured by value added per hour worked, he said, "The highest total hours worked was posted in this quarter by 4.6 per cent (Q4 2021: 2.3%) to record 8.9 billion hours (Q4 2021: 8.8 billion hours) as longer business operation hours were observed in this quarter. This has resulted in labour productivity by value added per hour worked grew at a marginal rate of 0.3 per cent as compared to 1.3 per cent in Q4 2021 with a level of RM40.3 per hour (Q4 2021: RM42.3 per hour)".

From the economic sector point of view, three sectors registered positive growth of labour productivity by value added per employment during the quarter namely Services, Manufacturing and Agriculture. The highest growth of labour productivity in this quarter was posted by Services sector at 3.6 per cent (Q4 2021: 1.1%) with all

sub-sectors recorded increases except for Finance & insurance (-0.3%) and Wholesale & retail trade (-0.9%). Labour productivity in Manufacturing sector grew 2.8 per cent (Q4 2021: 5.3%) with the highest growth rate posted by Electrical, electronic & optical products (10.6%), followed by Wood products, furniture, paper products & printing (4.4%) and Beverages & tobacco products (4.3%). As for labour productivity for Agriculture sector, rose 1.0 per cent as compared to 2.9 per cent in the previous quarter. On the contrary, Mining & quarrying and Construction sectors continued to decline with a smaller negative growth of 3.6 per cent and 5.5 per cent respectively.

In terms of labour productivity by value added per hour worked, Construction sector posted the highest fall of labour productivity which was negative 8.2 per cent (Q4 2021: -11.0%), followed by Mining & quarrying sector at negative 4.8 per cent. In the meantime, Manufacturing and Agriculture sectors recorded mild decreases of 0.1 per cent and 0.2 per cent, respectively. Services were the only sector posted a positive growth in Q1 2022 with a rate of 1.2 per cent after registering 0.8 per cent in Q4 2021.

Concluding his statement, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin said, "With the emergence of greater positive economic indications, the economy as well as the labour market will expand further in the months ahead. Businesses will play a significant role to invest in technology, intellectual property or other capital that will increase productivity and, hence allowing equitable and inclusive future that will fulfil their sustainability goals. Technology and innovation have benefited our economic and social activities in recent decades, and it will undoubtedly continue to support the attempts of generating a rejuvenation that benefits everyone".

Time series statistics and more information on the labour market can be obtained from the Malaysia Labour Market Interactive Data (MyLMID) portal. For more information, please visit <https://mbls.dosm.gov.my/mylmid/> or scan the QR code below.



The Department of Statistics Malaysia (DOSM) is conducting the Household Income, Expenditure and Basic Amenities Survey (HIES/BA) 2022 from 1st January 2022 to 31st December 2022 and the Annual Economic Survey 2022 (AES 2022) from 15th April 2022 to 30th September 2022. DOSM greatly appreciates the cooperation

given by selected respondents by sharing their information with DOSM and making the survey a success. Please visit www.dosm.gov.my for more information.

DOSM also released economic and social statistics, namely PocketStats which contain quarterly and annual statistics that can be obtained from the DOSM portal or via the link https://bit.ly/PocketStatsQ1_2022.

Chart 1: Labour productivity, value added per employment, 2015 - 2021 and Q116 - Q122





Chart 2: Labour productivity, value added per hour worked, 2015 - 2021 and Q116 - Q122



Released by:

**THE OFFICE OF CHIEF STATISTICIAN MALAYSIA
DEPARTMENT OF STATISTICS, MALAYSIA
19 MAY 2022**